

## Perkembangan Masalah Sifat Dalam Ilmu Kalam

MUDASIR ROSDER

### MASALAH SIFAT PADA ZAMAN RASULULLAH S.A.W. DAN SAHABAT R.A.

Pada zaman Rasulullah s.a.w orang-orang Islam pada waktu tidak membicarakan masalah sifat Allah kerana mereka menerima apa jua bentuk gambaran tentang sifat Allah yang telah digambarkan di dalam al-Qur'an dan hadis tanpa mempersoalkan makna-makna di sebalik sifat itu sebagaimana yang telah digambarkan oleh al-Maqrizi di dalam Khutatnya:

Ketahuilah (sesungguhnya manakala Allah mengutus nabi-Nya kepada orang-orang Arab sebagai pesuruh-Nya, Allah s.a.w telah mensifatkan diri-Nya sendiri sebagaimana yang terdapat di dalam al-Qur'an dan al-Hadith. Mereka tidak bertanyakan kepada Rasulullah s.a.w makna yang di sebalik itu sebagaimana mereka bertanyakan dalam masalah-masalah sembahyang, zakat, puasa, haji dan sebagainya, juga seperti masalah hari kiamat, syurga dan neraka, sekiranya ada orang bertanyakan masalah itu nescaya ianya terdapat di dalam Hadith-hadith sepertimana Hadith-hadith yang berhubung dengan hukum halal dan haram, *targhib* dan *tarhib* ...<sup>1</sup>

Terdapat juga soalan-soalan yang ditujukan kepada Rasulullah s.a.w dalam masalah ketuhanan, Rasulullah s.a.w menjawabnya dengan jawapan yang berbagai-bagai mengikut keadaan orang yang bertanya, kadang-kadang dengan cara yang lembut dan kadang-kadang dengan cara yang keras pula dan sikap orang-orang Islam pula menerima segala penjelasan yang dikemukakan oleh Rasulullah s.a.w kepadanya tanpa banyak persoalan. Di samping itu Rasulullah s.a.w melarang orang-orang Islam dari berdebat sesama mereka dalam masalah ketuhanan kerana perdebatan sesama mereka tidak akan menguatkan keimanan mereka.

Dari 'Amru Ibn Shu'ayb dari bapanya, dari datuknya berkata "Nabi Muhammad s.a.w terdengar sahabat-sahabatnya sedang berbalah" Nabi Muhammad s.a.w bersabda

Sesungguhnya binasa orang-orang sebelum kamu dengan sebab ini (berbalah-balih) mereka berbalah di dalam kitab Allah, sesungguhnya al-Qur'an adalah diturunkan untuk membenarkan antara satu sama lain, jangan kamu membohongi setengahnya dengan setengah yang lain, apa yang kamu ketahui katakan dan apa yang kamu jahil serahkan kepada yang mengetahui.<sup>2</sup>

Sebelum Rasulullah s.a.w wafat, telah berlaku perselisihan di kalangan sahabat r.a tetapi perselisihan itu bukan dalam masalah akidah, bukan juga di dalam masalah sifat, ia hanya di dalam masalah cabang sahaja yang merupakan masalah ijtihadiyyah seperti perselisihan mereka di dalam masalah permintaan Rasulullah s.a.w supaya mencatatkan ajaran (wasiat) terakhirnya, penghantaran tentera Usamah, perselisihan tentang tempat pengkebumian jenazahnya, masalah imamah, masalah fidk, masalah merangi orang yang tidak membayar zakat dan seterusnya sebagaimana yang telah dirakamkan oleh al-Shahrastani di dalam kitabnya *al-Milal wa al-Nihal*.<sup>3</sup>

Dalam masalah Usul, para sahabat menerima sebagaimana yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w dan mereka tidak gemar membincangkan masalah-masalah yang berhubung dengan akidah kerana perdebatan di dalam masalah itu hanya akan menimbulkan perselisihan.

Para sahabat r.a lebih mengutamakan perhatian mereka di dalam hukum amali sahaja, sekiranya berlaku sesuatu perkara mereka terus berpandukan kepada al-Qur'an dan hadis, sekiranya tidak dapat diselesaikan menerusi al-Qur'an dan hadis mereka mengkiaskan dengan apa yang berlaku pada zaman Rasulullah s.a.w.<sup>4</sup>

Tidak berlaku lagi perbahasan di dalam masalah sifat pada zaman sahabat seperti kata Ibn al-Qayyim:

Tidak berlaku di kalangan para sahabat r.a perselisihan di dalam masalah *al-Asm'*, *al-sifat* dan *al-Af'āl*, bahkan mereka semua mengisbatkan sebagaimana yang tersebut di dalam al-Qur'an dan hadis dengan sebulat suara dari awal hingga akhirnya.<sup>5</sup>

Al-Magrizi juga ada membuat penjelasan berhubungan dengan sikap para sahabat:

... tidak pernah diriwayatkan sama sekali walau dengan cara yang benar atau salah, seorang sahabat r.a dalam semua peringkat bertanya Rasulullah s.a.w akan makna sesuatu daripada apa yang Allah sifatkan dari-Nya sebagaimana yang ada di dalam al-Qur'an dan hadis Nabi s.a.w, bahkan mereka faham makna (sifat-sifat) itu dan mereka tidak membicarakannya. Tidak seorang dari mereka yang membezakan antara sifat *zāl* dan sifat *Fi'l* .<sup>6</sup>

Dr. Abd al-Halim Mahmud telah membuat satu kesimpulan:

Telah berkesudahan zaman Abu Bakr, "Umar dan "Uthman r.a orang-orang Islam pada masa itu tidak berbincang di dalam masalah sifat.<sup>7</sup>

Pada akhir zaman sahabat timbul golongan yang *mentashbih* (menserupakan Allah dengan makhluk) dan *mentasimkan* Allah

(menganggap Allah berjisim) iaitu dari golongan al-Sab<sup>c</sup>iyyah.<sup>8</sup> Dengan itu lahir pula golongan yang menentang aliran itu yang dimulai oleh Ja<sup>c</sup>ad Ibn Darham dan Jahm Ibn Safwan dan seterusnya dikembangkan oleh golongan al-Muktazilah. Dari keadaan ini lahirnya perbincangan yang meluas dan mendalam dalam masalah sifat ini.

#### PERMULAAN MASALAH SIFAT

Pada akhir zaman sahabat, perbahasan masalah sifat telah mula timbul iaitu dengan adanya golongan yang *mentashbih* dan *mentajsimkan* Allah dari kalangan al-Sab<sup>c</sup>iyyah. Kemudiannya lahir pula golongan yang menentang pendapat itu yang terdiri dari Ja'd Ibn Darham dan Jahm Ibn Safwan, dan mereka lah orang yang mula-mula sekali menafikan sifat Allah,<sup>9</sup> dan orang yang mula-mula se kali mengatakan al-Qur'an adalah makhluk.<sup>10</sup>

Masalah al-Qur'an itu makhluk (ciptaan Allah) dan masalah sifat Allah merupakan dua masalah yang berhubung rapat antara satu sama lain. Apabila telah mengingkarkan sifat Allah yang qadim maka dengan sendirinya mengingkarkan kalam Allah yang qadim. Oleh kerana al-Qur'an itu adalah kalam Allah maka al-Qur'an itu tidak qadim, dan ia adalah makhluk.

Metode yang digunakan oleh golongan yang menafikan sifat Allah ialah dengan mentafsirkan ayat-ayat al-Qur'an secara akli.<sup>11</sup> Setelah Ja'd wafat, ideanya telah diteruskan oleh Jahm Ibn Safwan dengan menggunakan metode yang sama, iaitu mentakwilkan ayat-ayat al-Qur'an secara akli supaya selaras dengan pendapatnya di dalam menafikan sifat-sifat Allah yang qadim.<sup>12</sup> Jahm berpendapat bahawa Allah tidak bersifat, kecuali sifat *Khāliq*, *Qādir* dan *Fā'il*, kerana sifat ini tidak boleh disifatkan kepada makhluk.<sup>13</sup>

Pendapatnya di dalam masalah sifat adalah disesuaikan dengan pendapatnya di dalam masalah laku perbuatan manusia kerana mengikut pandangannya manusia tidak mempunyai apa-apa kuasa dalam melakukan sesuatu perbuatan, ia diumpamakan seperti daun kayu yang tidak ada kuasa langsung.<sup>14</sup>

Beliau juga berpendapat bahawa Allah tidak boleh disifatkan dengan suatu sifat yang disifatkan kepada makhluk-Nya kerana ia akan membawa kepada penyerupaan Allah dengan makhluk-Nya. Dengan itu beliau menafikan Allah bersifat dengan sifat *Alim*, dan *Hay*,<sup>15</sup> dan yang hanya boleh dikatakan kepada-Nya ialah Allah bersifat *Qādir*, *Mujid*, *Fā'il*, *Khāliq*, *Muhy* dan *Mumit*, kerana sifat-sifat ini hanya boleh dikatakan kepada-Nya sahaja tidak kepada makhluk.<sup>16</sup>

Jahm tidak bertujuan untuk menafikan semua sifat-sifat Allah tetapi hanyalah bertujuan untuk *mentanzihkan* zat Allah dari apa yang boleh membawa kepada penyerupaan dengan makhluk. Pendapat Jahm di dalam masalah sifat ini telah diteruskan perbahasanya oleh aliran Mu'tazilah, walaupun Mu'tazilah di dalam masalah "laku perbuatan manusia" merupakan golongan yang menentang pendapat Jahm Ibn Safwan.

#### ALIRAN AL-MU'TAZILAH

Aliran al-Mu'tazilah diasaskan oleh Wasil Ibn 'Atā' (80–131) di awal kurun kedua Hijrah iaitu dalam lingkungan tahun 100 hingga 110 Hijrah.<sup>17</sup> Wasil Ibn 'Atā' telah mengutarakan pendapatnya yang berlainan dengan ulama al-Tabi'in dan kebanyakan umat Islam yang ada pada zamannya. Mereka menyatakan bahawa pelaku dosa besar adalah mu'min kerana mereka beriman dengan rasul-rasul, kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah dan mengakui apa yang diturunkan oleh Allah adalah benar, tetapi mereka dikatakan fasik kerana melakukan dosa besar itu. Kefasikannya itu tidak menghilangkan iman dan Islam mereka. Manakala Wasil pula menamakan dosa besar itu sebagai *Manzilah Bayn Manzilatayn*.<sup>18</sup>

Secara umumnya pendapat al-Muktazilah dalam masalah sifat adalah sama seperti pendapat Jahm Ibn Safwan dan Ja'd Ibn Darham iaitu menafikan sifat-sifat Allah, hanya aliran ini lebih mendalam dan lebih menyeluruh di dalam penafiannya itu kerana mereka menggunakan kaedah *tanzih mutlak*. Mereka menafikan adanya sifat yang za'id ke atas zat Allah dan mereka menganggap bahawa sifat itu ialah 'ain zat (zat itu-sendiri). Perbezaan pendapat di kalangan mereka hanyalah dalam mentafsirkan penafian sifat itu.

Tokoh al-Mu'tazilah yang telah mempelopori pendapat ini ialah Wasil Ibn 'Atā', cumanya pendapat beliau masih tidak mendalam dan meluas di dalam membincangkan penafiannya itu, sebagaimana yang digambarkan oleh al-Shahrastani:

Adalah pendapatnya itu di peringkat permulaan dan tidak masak lagi, Wasil hanyalah memperkatakan dengan secara yang zahir sahaja, . sesiapa yang mengisbatkan makna sifat yang qadim maka orang itu telah mengisbatkan dua Tuhan.<sup>19</sup>

Dengan itu Wasil telah meletakkan asas kepada aliran al-Mu'tazilah dalam masalah sifat yang seterusnya diperkembangkan oleh tokoh-tokoh al-Muatazilah yang terkemudian setelah mereka mendalami buku-buku falsafah Greek.<sup>20</sup>

Ada beberapa faktor yang mendorongkan Wasil berpendapat sedemikian:

1. Pada zamannya ada golongan yang dinamakan *al-Mushabibah* yang dipelopori oleh Muqātil Ibn Sulayman. Golongan ini telah menyerupakn Allah dengan makhluk, dan ia mendapat tempat di kalangan orang ramai. Dengan itu Wasil Ibn ‘Atā’ bangun menentang golongan itu demi menjaga kesucian Islam.<sup>21</sup>

2. Bertujuan untuk menolak pendapat agama al-Thanawi (satu agama yang menganggap dua Tuhan yang kedua-duanya adalah azali), dengan itu Wasil berpendapat bahawa mengisbatkan makna dan sifat yang qadim adalah mengisbatkan dua Tuhan.<sup>22</sup>

3. Bertujuan untuk menolak pendapat orang-orang Kristian yang menganggap ketiga-tiga tuhannya adalah qadim.<sup>23</sup> Dengan itu aliran ini berpendapat bahawa mengisbatkan sifat bererti telah mengisbatkan berbilang-bilang yang qadim.<sup>24</sup>

Aliran al-Mu‘tazilah telah dikembangkan dan diperdalamkan perbincangannya di dalam masalah sifat oleh Abu al-Hudhayl al-‘Allāf kerana beliau telah mengkaji dan mendalami buku-buku falsafah Greek.<sup>25</sup> Al-‘Allāf berpendapat bahawa sifat bukanlah suatu yang lain dari zat bahkan sifat adalah zat-Nya yang bermakna *salbi*<sup>26</sup> (negatif), sifat adalah sebagai *amr i‘tibari* yang bermaksud menafikan lawan sifat itu. Umpamanya dikatakan Allah ‘Alim, maka maksudnya ialah menafikan sifat jahil bagi Allah bukan dengan makna Allah ‘Alim adalah dengan ‘Ilm-Nya yang qadim, bahkan ‘Ilm itu adalah zat-Nya.

Al-‘Allāf membahagikan sifat Allah kepada dua iaitu sifat *Zāt*<sup>27</sup> dan sifat *Fī'l*.<sup>28</sup> Sifat *Fī'l* pada pandangannya adalah baharu kerana Allah tidak bersifat dengan sifat itu melainkan ketika hendak mengadakan perbuatan itu.<sup>29</sup>

Manakala al-Nazzām (231H) pula membawa pentafsiran yang berlainan sedikit di dalam menafikan sifat Allah itu. Beliau mentafsirkan Allah ‘Alim dengan erti mengisbatkan zat-Nya dan menafikan jahil, makna Allah *Qadir* ialah mengisbatkan zat-Nya dan menafikan lemah, dan seterusnya sifat-sifat yang lain.<sup>30</sup>

Perbezaan antara satu sifat dengan yang lain itu ialah apa yang ternafi dari sifat itu bukanlah sifat-sifat itu yang berbeza antara satu sama lain, kerana kesemua sifat Allah adalah sama dinisbahkan kepada *zāt*-Nya.

Abu Ali al-Jubbā'i berpendapat bahawa Allah ‘Alim adalah bagi *zāt*-Nya,<sup>31</sup> dan itu dianggap sebagai *i'tibārāt al-‘aqliyyah*, dan tidak ada di sana sesuatu yang boleh disangkakan *zā'id* (tambahan) bagi Allah.<sup>32</sup>

Al-Jubbā'i membahagikan sifat Allah kepada dua bahagian iaitu sifat *zāt* dan sifat *Fī'l*.<sup>33</sup> Pendapat Abu Hashim al-Jubā'i (237–321) sama dengan Abu Ali sehingga al-Shahrastani menganggap bahawa kedua-duanya sebagai satu kumpulan yang hanya mempunyai sedikit sahaja perbezaan antara keduanya. Dalam masalah sifat Abu Hashim mentafsirkan sifat itu sebagai *al-hāl*,<sup>34</sup> manakala Abu Ali pula menafikannya.<sup>35</sup> Umpamanya makna Allah ‘Ālim ialah bagi zat-Nya dan maksud bagi *zāt*-Nya itu ia sebagai *al-hāl*.<sup>36</sup> Ini bermakna bahawa di sana ada *hāl* dan makna yang dengannya zat dapat bersifat dengan ilm, Qudrah dan sebagainya, dan sifat-sifat ini tidak dapat dikenal melainkan bersama *zāt*.

Abu Ali berpendapat sedemikian ialah untuk mencari jalan tengah antara golongan *al-Munazzihah* (golongan yang menafikan sifat Allah) dengan golongan *al-Sifatiyyah* (golongan yang mengisbatkan sifat) terutamanya golongan *al-Mushabbihah* (golongan yang menyerupakan Allah dengan makhluk).

Abd al-Jabbar Ahmad (415H) adalah tokoh Mu'tazilah yang terakhir dan beliau telah memperkuatkan lagi pendapat Abu 'Ali al-Jubā'i dalam masalah hubungan antara zat dan sifat. Beliau menolak pendapat al-Ash'ari yang mengatakan bahawa Allah itu *Qadir* dengan *Qudrah* yang *Qadim*, ‘Ālim dengan ilmu-Nya yang *qadim* dan sifat-sifat yang lain, kerana mengikut pandangannya *ma'na* itu boleh menyerupai zat dan inilah yang akan membawa kepada berbilang-bilang *zāt*-Nya. Sifat yang mula-mula sekali dikenali melalui akal ialah hal keadaan Allah *Qādir*, manakala sifat yang lain adalah timbul dari sifat ini.<sup>39</sup>

## KESIMPULAN

Perbincangan aliran Mu'tazilah dalam masalah sifat adalah dengan konsep menafikan sifat yang *zā'id* yang ada pada zat Allah, kerana bertujuan untuk mentanzihkan zat Allah secara mutlak. Dengan itu mereka menolak adanya *ma'na* yang *qadim* yang ada pada zat Allah, kerana ia boleh membawa kepada berbilang-bilang yang *qadim*.

Keseluruhan aliran ini berpegang dengan dasar menafikan sifat yang *zā'id* bagi Allah, hanya yang berbeza ialah dari segi pentafsirannya sahaja yang mengikut perkembangan yang berlaku di dalam aliran ini.

## AL-ASHA'IRAH DAN AL-MATURIDIYYAH

Kelahiran aliran al-Asha'irah dan al-Maturidiyyah dalam ilmu kalam khususnya dalam masalah sifat adalah sebagai satu usaha

dari tokoh-tokoh ulama dahulu untuk mencari satu jalan tengah dari kontraversi yang berlaku pada masa itu khususnya di dalam masalah sifat iaitu antara golongan sifatiyyah yang keterlaluan yang sampai menyerupakan Allah dengan makhluk (golongan *Mushabbiyah*) dari satu pihak dengan golongan *Mu'tazilah* iaitu golongan yang menafikan sifat Allah. Golongan ini terdiri dari golongan *Mu'tazilah* dan yang sependapat dengannya.

Aliran ini diasaskan oleh Abu al-Hasan al-Ash'ari (260–324H) yang pernah berguru dengan Abu 'Ali al-Jubā'i. Pada mulanya beliau adalah pengikut golongan *Mu'tazilah* dan kemudiannya keluar dari aliran tersebut dan membentuk satu aliran lain yang dikenali dengan ahli al-Sunnah Wa al-Jama'ah,<sup>40</sup> atau yang dikenal dengan nama al-Ash'ariyyah.

Abu al-Hasan menolak pendapat yang dikemukakan oleh aliran al-Jahmiyyah dan *Mu'tazilah* yang menafikan sifat-sifat Allah dengan berpandukan ayat-ayat al-Qur'an. Sifat-sifat yang boleh didapati menerusi al-Qur'an menurut pandangannya ialah sifat ilmu dan Qudrah.

... انزله بعلمه

Allah turunkan dengan firman-Nya:

... وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أَثْيٍ وَلَا تَضُعُ إِلَّا بِعِلْمٍ . . .

Dan tidak ada yang dikandung dan yang lahirkan kecuali dengan ilmu-Nya.<sup>42</sup>

Begitu juga dalam surah Hud ayat 14 dan surah al-Bawarah ayat 205; Sifat al-Qudrah pula adalah dari ayat-ayat yang berikut:

أَوْلَمْ يَرَوْا أَنَّ اللَّهَ الَّذِي خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُ مِنْهُمْ قُوَّةً . . .

Dan apakah mereka tidak memerhatikan bahawa Allah yang menciptakan mereka adalah lebih sangat kuat.<sup>43</sup>

ذُو الْقُوَّةِ الْمُتِينِ.

Yang mempunyai kekuatan yang teguh.<sup>44</sup>

وَالسَّمَاءُ بِنِينَاهَا بَإِذْنِ.

Dari langit kami binakannya dengan tangan (kuasa).<sup>45</sup>

Daripada ayat-ayat itu beliau mengisbatkan sifat ilmu dan Qudrah. Selain dari dua sifat itu beliau juga mengisbatkan sifat *Sam', Basar, Hayah, Kalam dan Iradah*.

Di dalam mengisbatkan sifat-sifat ini beliau telah menggunakan kaedah kias iaitu mengkiaskan yang ghaib dengan yang dilihat.<sup>46</sup> Dengan itu mesti diakui bahawa baginya (alam mesti ada yang

membuatnya yang bersifat Qadir, *‘Alim* dan Murid, yang mana ini menunjukkan bahawa Allah itu ada *‘Ilm*, *Qudrah* dan *Iradah*, kerana bentuk dalil tidak berbeza antara yang dilihat dengan yang ghaib dan juga tidak ada ertinya seorang itu alim dengan sebenarnya melainkan ada ilmu.<sup>47</sup>

Beliau juga berpendapat bahawa nama Allah itu adalah dari sifat-sifat-Nya dengan itu mestilah mengisbatkan sifat-sifat bagi Allah seperti kita katakan bahawa Allah itu *‘Ālim*, *Qadir* dan *Hay* adalah ambilan dari *‘Ilm*, *Qudrah* dan *Hayah*, dan seterusnya dengan sifat-sifat yang lain.<sup>48</sup>

Tokoh yang sezaman dengan al-Ash‘ari ialah Abu Mansur al-Maturidi. Kedua-dua tokoh ini bangun untuk menegakkan gambaran aqidah Islam dengan sebenarnya dan menentang pendapat-pendapat yang mengutamakan pemikiran dari nas-nas seperti yang dilakukan oleh golongan al-Mu‘tazilah. Kedua-dua tokoh ini juga tidak ada perbezaan yang ketara dalam pendapat mereka melainkan dalam masalah yang kecil sahaja kerana disebabkan oleh keadaan tempat yang berbeza kerana al-Ash‘ari hidup di Iraq manakala al-Maturidi di Samarcand.

Pendapat al-Maturidi di dalam masalah sifat adalah seperti pendapat al-Ash‘ari juga serta mengisbatkan sifat-sifat Allah seperti sifat *‘Ilm*, *Hayah*, *Sam‘*, *Basar*, *Kalam*, *Qudrah*, *Iradah*, *Takwīn*, *Rahman*, *Rāziq* dan sifat-sifat Allah yang lain sama ada sifat *Zātiyyah* atau sifat *Fi‘liyyah*.<sup>49</sup> Manakala perbezaan pendapatnya dengan al-Ash‘ari ialah di dalam sifat *Fi‘liyyah* seperti sifat *Takwin*, *Rahman*, *Razq* dan yang seumpamanya. Al-Asha‘ari berpendapat bahawa sifat itu adalah *nисbi* dan *hadith* (baharu) manakala al-Maturidi pula berpendapat bahawa sifat-sifat itu adalah qadim dengan zat Allah.<sup>50</sup>

Al-Maturidi membahagikan sifat kepada dua bahagian iaitu sifat *zat* dan sifat *Fi‘l*. Sifat *Fi‘l* ialah setiap sifat yang bergantung dengan sifat *Qudrah* umpamanya *Rahman* dan *Kalām*, manakala sifat *zat* ialah setiap sifat yang tidak bergantung dengan sifat *Qudrah* dan sifat yang Allah tidak boleh berpisah dengannya.<sup>51</sup>

Tokoh al-Ashairah yang berikutnya ialah al-Bagillani (403H). Usahanya yang besar ialah memperkemas dan menyusun aliran al-Ash‘ari secara logik dari segi susunan tajuk, dalil dan sebagainya, yang menjadi ikutan bagi orang yang selepasnya.<sup>52</sup> Beliau menggunakan cara akli untuk menolak pendapat yang bertentangan dengan ahli sunnah Wa al-Jama‘ah, terutamanya pendapat dari kalangan Mu‘tazillah.

Pendapat al-Bagillani dalam masalah sifat sama seperti pendapat al-Ash‘ari dan membahagikan sifat kepada dua bahagian iaitu sifat *zat* dan sifat *Fi‘l*.<sup>53</sup> Di dalam menentukan sifat *zat* beliau menolak pendapat Abu Hashim (golongan Mu‘tazillah) yang telah

mengisbatkan *al-hal*, bahkan beliau menjelaskan bahawa Allah *Hay*, *'Alim*, *Qadir*, *Murid* dan seterusnya adalah dengan adanya *Hayah*, *'Ilm* dan *Qudrah* berdasarkan kias dari yang dilihat (Shahid) kepada yang ghaib.<sup>54</sup>

Di antara tokoh-tokoh aliran al-Ash'ari yang terkenal ialah Abu Mansur al-Baghdadi (429H), Imam al-Haramayn (478H), Fakhr al-Din al-Razi (606H), Imam al-Ghazali (505H) dan seterusnya hingga sampai kurun yang ke sembilan Hijrah. Perbahasan dalam masalah sifat adalah mengikut apa yang diasaskan oleh al-Ash'ari iaitu mengisbatkan sifat yang *Zā'id* bagi zat Allah dan mereka telah berjaya memperluas dan memperdalamkan masalah itu sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang berhubungannya dengan masalah sifat Allah yang wujud pada waktu itu. Banyak kitab yang telah dihasilkan oleh tokoh-tokoh al-Asy'a'irah tersebut yang hingga kini menjadi bahan rujukan terpenting di dalam akidah Islam khususnya di dalam masalah ketuhanan.

Pada kurun kesembilan muncul seorang tokoh dalam aliran al-Asy'a'irah yang membuat satu pendekatan baru di dalam menjelaskan masalah sifat Allah untuk memudahkan orang awam mengetahuinya. Tokoh tersebut ialah Muhammad Yusuf al-Sanusi dengan pendekatan yang baru yang dikenali sekarang ini dengan nama "sifat Dua Puluh". Ini jelas di dalam kitabnya *Um al-Barahin* yang masih digunakan oleh penulis-penulis kitab aqidah di dalam perbincangan mereka berhubung dengan masalah sifat.

Di antara sebab-sebab yang mendorongkan al-Sanusi menghadkan perbincangan sifat kepada dua puluh sifat ialah:

1. Pada kurun kesembilan penulisan aqidah ialah bercampur dengan berleluasa sekali dengan falsafah hingga boleh mengelirukan para pembaca dalam ilmu akidah kerana orang awam tidak boleh membezakan antara ilmu aqidah dan falsafah.<sup>55</sup>

2. Pada kurun itu juga berlaku sebahagian orang Islam yang terpengaruh dengan ilmu falsafah. Ilmu itu mengikut pandangan al-Sanusi hanya akan melalaikan orang-orang Islam dari mengikut cara *Salaf al-Salih* di dalam memahamkan akidah Islam.<sup>56</sup>

Walaupun pendekatan al-Sanusi berbeza dengan yang sebelumnya tetapi asas perbincangannya adalah mengikut aliran al-Ash'irah sepenuhnya hanya yang berbeza ialah dari segi penghadkan perbincangan sifat Allah dua puluh sifat.

## KESIMPULAN

Perbincangan berhubung dengan masalah sifat berlaku selepas zaman Rasulullah s.a.w iaitu pada akhir zaman sahabat yang ber-

punca dari golongan al-Sab'iyyah yang membawakan pendapat yang menyerupakan Allah dengan makhluk. Dengan adanya itu maka lahir pula golongan yang menentangnya yang dipelopori oleh Ja'd Ibn Darham dan Jahm Ibn Safwan. Pandangan Ja'd dan Safwan adalah bertentangan dengan pandangan Sab'iyyah iaitu mereka menafikan sifat bagi Allah kecuali sifat yang makhluk tidak boleh bersifat dengan sifat itu, seperti sifat *Fā'il*.

Pendapat Ja'd dan Jahm dikembangkan oleh golongan Mu'tazilah dengan menggunakan metode falsafah dan dasar *tanzih mutlak*. Ini adalah kerana tokoh-tokoh Mu'tazilah terdiri dari kalangan yang mendalami ilmu falsafah Greek, maka secara langsung telah mempengaruhi pemikiran mereka dalam membincangkan masalah sifat Allah.

Setelah begitu jauh Mu'tazilah membincangkan masalah sifat dengan menggunakan metode falsafah maka pada kurun keempat lahir pula golongan yang menentangnya dengan tujuan untuk mengembalikan pendekatan masalah itu berdasarkan ajaran al-Qur'an dan hadis. Kumpulan ini dipelopori oleh Abu al-Hasan al-Ash'ari di Iraq Abu Mansur al-Maturidi di Samarqand dan al-Tahāwi di Mesir. Tokoh-tokoh ini telah dapat mempengaruhi orang-orang Islam dan dapat mengembalikan pendekatan akidah orang-orang Islam khususnya dalam masalah sifat mengikut kaedah ahli al-salaf. Ramai tokoh yang terkenal di dalam aliran ini termasuklah Imam al-Haramayn dan Imam al-Ghazali. Pada kurun kesembilan muncul pula Muhammad Yusuf al-Sanusi yang merupakan tokoh yang telah mengemukakan satu pendekatan baru yang tidak terkeluar dari dasar al-Ash'a'rah. Beliau mengemukakan satu bentuk baru dalam perbincangan masalah sifat bagi memudahkan orang Islam untuk berpegang dengannya iaitu dengan kaedah "sifat Dua Puluh". Kaedah ini terus digunakan sehingga sekarang di dalam membincangkan masalah sifat. Kaedah ini seolah-olah mengajak orang-orang Islam supaya berpegang teguh dengan sifat-sifat Allah dan tinggalkan perbincangan dan peranggahan dengan golongan Mu'tazilah kerana yang diutamakan dalam masalah akidah ia pegangan seseorang terhadap akidahnya itu.

#### NOTA

1. Taqy al-Din Abi al-'Abbas Ahmad Ibn 'Ali al-Maqrizi, *Kitab al-Mawa'iż wa Ḣibār bi Dhikr al-Khuṭat Wa al-Āثار*, al-Ma'rūf bi al-Khuṭat al-Maqrizi, 2 jilid (Bayrut: Dār Sādir, t.t), 2:256.
2. Ahmad Ibn Hanbal, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 2:125. Lihat juga al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, di dalam Fath al-Barī oleh Ibn Hajar al-Asqalani (Kitab al-Tafsir) 9:277, 278, *Musnad Ahmad Ibn Hanbal*, 1:106.

3. Muhammad Ibn ‘Abd al-Karim al-Shahrastani, *al-Milal Wa al-Nihal*, (Qahirah: Mu‘assah al-Halabi, t.t), 1:20.
4. Mustafa al-Ghurabi, *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah* (Qahirah: Matba‘ah Muhammad Ali Subikh, t.t), h. 14.
5. Ibn al-Qayyim al-Jawi‘iyah, *A‘lām al-Mugīrīm ‘an Rab al-‘Alamīn*, 4 juz. (al-Qahirah: Maktabah al-Kulliyyat al-Azhariyyah, edisi terbaru, 1968).
6. al-Maqrizi, *al-Kutat*, 2:356.
7. Abd al-Halim Mahmud, *al-Tafsir al-Falsafi Fi al-Islām*, (al-Qahirah: Maktabah al-Anggo al-Misriyyah, 1968), 1:49.
8. Abu al-Wafa’ al-Ghanimi al-Taflazani, *‘Ilm al-Kalām Wa ba‘d Mushkalatih*, (al-Qahirah: Dar al-Thaqafah li al-Tiba‘ah wa al-Nash, 1979), hlm. 12.
9. Abu al-Fallah ‘Abd al-Hay Ibn al-‘Imād al-Hanbali, *Shadharāt al-Dhahab Fi Akhbār Min al-Dhahab*, 2 juz. (al-Qahirah: Maktabah al-Qudsi, t.t) 5:69.
10. Abu al-Fidā’ Ismā‘il Ibn Kathir, *al-Bidayah Wa al-Nihāyah*, (Maktabah al-Ma‘arif, 1960), 9:350.
11. Ali Shami al-Nashahar, *Nash’at al-Fikr al-Falsafi Fi al-Islām* (al-Qahirah: Dar al-Ma‘arif,) 1:328.
12. Ibid, 1:322
13. al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 1:86
14. Ibid, 1:78. al-Ash‘ari, *Maqālāt al-Islāmiyyin*, 1:322.
15. Ibid, 1:86.
16. al-Asfirayni, *al-Tabṣir Fi al-Din*, (Qahirah: Maktabah Nashr al-Thaqafah al-Islamiyyah, 1940), hlm. 64.
17. Abd al-Qahir al-Baghdadi, *al-Faqr Bayn al-Firaq*, (al-Qahirah: Maktabah Muhammad Ali Subih, t.t., hlm. 117.
18. Abu al-Husin ‘Abd al-Rahim ibn Muhammad al-Khayyat, *Kitab al-Intsār wa al-Rad ‘Alā Ibn al-Ruwandi al-Mulhd*. (Bayrut: al-Maṭba‘ah al-Kathulikiyah, 1957), hlm. 119.
19. al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 1:56.
20. Ibid, 1:46.
21. al-Nashshar, *Nash’at al-Fikr al-Islāmī Fi al-Islam*. 1:388.
22. Ibid, 1:383.
23. Ahmad Mahmud Subhi. *Fi ‘Ilm al-Kalām*, (Misr: Muassasah al-Thaqafah al-Jami‘iyah, 1978), hlm. 29.
24. al-Ghurabi, *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah*, (Qahirah: Maktabah Ali Subih, t.t.), h. 21.
25. Nashshar, *Nash’at al-Fikr al-Falsafi Fi al-Islam*, 1:439.
26. al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 1:50.
27. Sifat zat ialah sifat yang Allah tidak boleh bersifat dengan lawannya seperti ‘Alim, Allah tidak boleh bersifat dengan sifat jahil. (al-Ghurabi, *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah*, hlm. 157).
28. Sifat Fi‘il ialah sifat yang mana Allah boleh bersifat dengannya dan lawan bagi sifat itu, seperti *al-Hub*, Allah boleh bersifat dengan lawannya, (Ibid, h. 158).
29. al-Ghurabi, *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah*, hlm. 158.
30. al-Ash‘ari, *Maqālāt al-Islāmiyyin*, 1:227.
31. al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 1:82.
32. Ahmad Subhi, *Fi ‘Ilm al-Kalam*, hlm. 322.
33. al-Ghurabi, *Tarikh al-Firaq al-Islamiyyah*, hlm. 226.
34. *al-Hal* di sini ialah lafaz yang disebutkan kepada sifat bagi sesuatu yang mawjud dan sifat itu tidak wujud dan tidak adam, (Mawsu‘ah Istilahat al-‘Ulum al-Islamiyyah, perkataan *al-Hal*).
35. al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*, 1:82.
36. Ibid, 1:82.

37. ḤAbd al-Jabbar Ahmad, *Sharḥ Uṣūl al-Khamsah*, (Qahirah: Maktabah Wahbah, 1965), hlm. 130.
38. Ibid, hlm. 30.
39. Ibid, 151.
40. Ali Ibn Asakir, *Tabyīn Kadhb al-Muffari*, (Dimishq: Matba‘ah al-Tawfiq, 1347h), h. 39.
41. al-Qur‘an, surah al-Nisā’, 4:166.
42. al-Qur‘an, surah Fatir, 35:11.
43. al-Qur‘an, Surah Fussilat, 41:15.
44. al-Qur‘an, surah al-Zariyyat, 51:58.
45. al-Qur‘an, surah al-Zariyyat, 51:
46. al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihāl*, 1:94.
47. Ibid, 1:94.
48. Abu al-Hasan al-Ash‘arī, *al-Ibanah ‘An Uṣūl al-Dīyanah* (Qahirah: Dar al-Anṣār, 1977), hlm. 151. dan al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihāl*, 1:95.
49. Fath Allah Khallāf. *Muqiddimah Kitab al-Tawhid* oleh al-Maturidi di dalam *Kitab al-Tawhid*, (Bayrut: Dār al-Mashriq, 1970), hlm. 36.
50. Ibid, hlm. 37.
51. Abu Mansur al-Maturidi, *Kitāb al-Tawhid*, Tahqīq Fath Allah Khalif, (Bayrut: Dar al-Mashriq, 1970), hlm. 50.
52. Ahmad Mahmud Subhi, *Fi‘Ilm al-Kalam*, hlm. 499.
53. al-Baqillani, *al-Insāf*, (Qahirah: Mu‘assah al-Khanji, 1963), hlm. 23. *Kitab al-Tamhid* (Bayrut: al-Maktabah al-Sharqiyyah, 1957), hlm. 263.
54. al-Baqillani, *Kitab al-Tamhid*, h. 262.
55. Muhammad Yusuf al-Sanusi, *Sharh Um al-Barahin*, (al-Qahirah: Matba‘ah Dar Ihya’ al-Kutub al-Arabiyyah, t.t.), hlm. 72.
56. Ibid, hlm. 72.

Jabatan Usuluddin & Falsafah  
 Fakulti Pengajian Islam  
 Universiti Kebangsaan Malaysia  
 43600 UKM Bangi,  
 Selangor D.E.